

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
BIL. 1/2017**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN
BAGI HOTEL BERSTRATA**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan pemakluman keputusan Pengarah Tanah dan Galian berkenaan garis panduan permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Permohonan pecah bahagi bangunan yang dipohon oleh pemilik tanah atau pemaju adalah tertakuk kepada syarat-syarat permohonan mengikut seksyen 9, Akta Hakmilik Strata 1985.
- 2.2 Syarat kelulusan permohonan pecah bahagi bangunan oleh Pengarah Tanah dan Galian adalah tertakuk kepada syarat-syarat kelulusan mengikut seksyen 10, Akta Hakmilik Strata 1985.
- 2.3 Pembangunan bagi hotel berstrata adalah tertakuk kepada kelulusan yang diperolehi melalui Perintah Pembangunan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang mana kelulusan tersebut mempunyai ciri-ciri dan syarat-syarat tertentu.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pengarah Tanah dan Galian bersetuju supaya permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata diseragamkan seperti berikut:-
- i. Hotel berstrata yang dibangunkan dalam skim pembangunan komersial atau bercampur (contoh seperti kediaman, kedai, pejabat, ruang perniagaan, tempat letak kenderaan dan pangsapuri servis) hanya boleh dikeluarkan satu (1) petak/blok sahaja. Unit-unit dalam petak/blok hotel tersebut **TIDAK** dibenarkan dikeluarkan hakmilik strata.
 - ii. Pembangunan hotel yang tidak dibangunkan dengan pembangunan bercampur **TIDAK** memenuhi syarat untuk permohonan pecah bahagi bangunan.
- 3.2 Mana-mana permohonan yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas walaupun telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan akan ditolak.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata yang telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan selepas 10 Oktober 2017.

4.2 Semua permohonan pecah bagi bangunan, pecah petak atau penyatuan petak atau perkara lain berkaitan dengan hotel berstrata yang dalam tindakan untuk diluluskan atau telah diluluskan tetapi hakmilik strata belum didaftarkan, sebaik selepas berkuatkuasa pekeliling ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan seolah-olah pekeliling ini tidak berkuatkuasa.

4.3 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **10 Oktober 2017**.

(MUHAMMAD YASIR BIN YAHAYA)

Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan

Tarikh: 10 Oktober 2017.